PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park, rk,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316 16
Faks : +603-6189 1316 16

# KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

## BUKU #CANTIK - WANITA SEINDAH MUTIARA

Buku #Cantik: Wanita Seindah Mutiara menampilkan kemunculan sulung karya Ustazah Norhafizah Musa dibawah terbitan PTS Publishing House Sdn. Bhd. Beliau yang sering muncul sebagai panel program *Tanyalah Ustazah TV9* dan program penerbitan bersifat keagamaan ini hadir dengan satu naskhah indah bagi mengupas penilaian terhadap makna sebenar kecantikan.

Buku ini mengandungi 112 muka surat yang dihiasi ilustrasi menarik. Terdapat 9 bab yang membincangkan isu kecantikan dan wanita muslimah. Antaranya obses pada kecantikan, fiqh dan kecantikan, petua kecantikan, dan amalan sunnah, serta doa-doa untuk kekal cantik yang boleh diamalkan.

Melalui buku ini juga, pembaca dapat mengetahui dan mengimbas kembali hukum dan pandangan Islam mengenai perkara berkaitan kecantikan. Contohnya alat solek, suntikan pemutihan ataupun vitamin C, meluruskan rambut, memakai pendakap gigi, dan banyak lagi amalan kecantikan yang menjadi kebiasaan.

Semua manusia khususnya wanita ingin menjadi cantik menurut mata mereka. Namun, cantik di mata Islam pula bagaimana? Dapatkan buku ini bagi mengetahui jawapannya. Di syurga kelak semua manusia akan cantik. Tetapi sebelum itu, dunia ini penuh dengan manusia yang pelbagai rupa parasnya dan segala yang diciptakan oleh Allah itu cantik.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Publicist
PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my